

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 4 – 10 APRIL 2019

KERATAN AKHBAR

**Lembaga Urus Air Selangor matang kendali sumber Air untuk semua**

**S**elama hampir 20 tahun Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) ditubuhkan, saya percaya LUAS semakin dewasa dan matang melalui polibagai cabaran serta rintangan dalam menguruskan sumber air Selangor bagi keperluan rakyat. Ini adalah satu penghormatan yang diberikan kepada LUAS untuk pertama kalinya menjadi pengeluar utama Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Bulan Mac adalah bulan sambutan Hari Air Sedunia. Sambutan Hari Air Sedunia ini adalah inisiatif yang lahir daripada persidangan United Nations Conference of Environment and Development (UNCED) di Rio De Janeiro, pada tahun 1992. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersetuju untuk menetapkan 22 Mac setiap tahun sebagai Hari Air Sedunia, bermula dari tahun 1993.

Dari pada tahun ini, Hari Air Sedunia disambut dengan bertema "Air Untuk Semua". Tema pada tahun ini bertepatan dan sama seperti slogan LUAS yang memberi maksud bahawa air bukan sahaja menjadi keperluan manusia dan domestik sahaja. Bahkan, "Air Untuk Semua" memberi maksud segala yang hidup selain manusia seperti tumbuhan dan binatang, segala aktiviti selain domestik seperti industri serta alam sekitar itu sendiri memerlukan air.

Firman Allah SWT di dalam Surah Az-Zumar, ayat 21:

*"Tidaklah Engkau memelihara, bohwa Allah menuntun hujan dari langit, lalu diturunkan menjadi matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu Engkau menghujanya berupa hujan; kemudian Ia menjadikannya harau bersepadu? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berpaling sempuna."*

Justeru sebagai khalifah di muka bumi ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan nikmat air yang diberikan oleh Allah SWT ini diuruskan dengan baik, dipelihara dan dipelihara supaya dapat dinikmati oleh semua serta generasi akan datang.

Anggaran jumlah penduduk Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus pada suku tahun keempat 2018 lalu seramai 362,000 penduduk berbanding suku tahun keempat tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, Selangor mencatatkan peratusan negeri dengan penduduk tertinggi sekitar 20 peratus atau anggaran 6.5 juta penduduk.

Dengan jumlah penduduk yang begitu ramai dan kepadatan ekonomi, permintaan terhadap bekalan air di Selangor adalah sangat tinggi dan akan terus meningkat. Tambahan lagi, Selangor juga membekalkan air kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Justeru, pengurusan air daripada sumber sehingga kepada penyediaan perlu dilaksanakan dengan sempurna bagi memampung permintaan yang berterusan ini kerana kemajuan sebuah negara itu bukan hanya dinilai kepada kesediaan pembangunan semata-mata tetapi juga daripada aspek penyediaan kepada kemudahan dan keperluan rakyat.

Secara keseluruhannya, keadaan sumber air Selangor sepanjang tahun 2018 adalah baik. Takungan ketujuh-tujuh empangan negeri berada di dalam keadaan yang sangat baik sekitar 95 hingga 100 peratus, di penghujung tahun 2018. Tidak operasi pembaikan awan dilakukan seperti musim kemarau pada tahun 2014 dan 2015 oleh kerana takungan empangan dan paras sungai utama negeri mencukupi untuk membekalkan sumber air kepada joi pembersihan air (LPA). Walaupun berlaku beberapa insiden pencemaran yang menyebabkan henti tugas joi pembersihan air, sumber air negeri kepada rakyat tidak terganggu. Tidak bekalan air berjadual atau cetusan bekalan air dilakukan, sepanjang tahun 2018. Secara keseluruhannya, takungan kesemua empangan negeri adalah di dalam keadaan yang baik dan mampu memampung keperluan LPA dan permintaan seramai 4,800 juta liter sehari (JLH) sepanjang musim panas yang dijangkakan, sepanjang bulan Mac sehingga April ini.

Pendekatan pengurusan pembangunan sungai secara bersepadu (PRM) bersama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan perlu dilakukan bagi memastikan kualiti air sungai ini dipertingkatkan, pada masa hadapan.

Ini adalah sungai utama yang menjadi punca kepada bekalan air kita dan seharusnya berada di tahap kualiti yang tinggi. Kejayaan yang eret di antara LUAS, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengiran dan Saliran Negeri Selangor (JNS), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) serta agensi lain yang terlibat perlu dipertingkatkan bagi memastikan sungai Selangor terpeliharai dan terhidar daripada pencemaran serta kerosakan. Walaupun keadaan sumber air negeri adalah baik pada masa ini, kita tidak seharusnya boros selesa dan menarik nafas lega. Sebaliknya, kesiapsiagaan amat penting bagi menangani sebarang isu sumber air di luar jangka. Kerajaan Negeri melalui LUAS dan agensi terlibat sudah menyusun langkah siap siaga bagi memastikan kelangsungan sumber dan bekalan air seperti berikut:

Melaksanakan Operasi Pengempangan Air Kolan (OPAK) di Bestari Jaya dengan keupayaan 1,000 JLH bagi meningkatkan kapasiti Sungai Selangor dan mengoptimumkan pelepasan air empangan. Sebanyak 10 kolam sedia digunakan dan ini adalah bagi tujuan abstraksi muka sauk LPA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3. Pembangunan Sungai Selangor membekalkan lebih 60 peratus bekalan air ke Selangor dan Lembah Klang.

Meningkatkan keberkesanan OPAK dengan pelaksanaan off-line verstorong (ORS) Kolan Hang Tuah yang sudah siap dibina dan dilancarkan pada 17 November 2016. ORS itu membekalkan Kolan Alternatif Hang Tuah yang terdiri daripada Kolan Hang Tuah 1 sehingga 7 dan mampu untuk membekalkan 200 JLH sumber air, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada pelepasan air daripada Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi serta meningkatkan jangka hayat kapasiti takungan kedua-dua empangan tersebut. Apabila paras air Sungai Selangor tinggi terutama ketika hujan, air sungai akan dialirkan masuk ke dalam ORS ini.

Berdasarkan keadaan kapasiti air empangan negeri semasa serta sumber alternatif seperti kolam di Bestari Jaya dan ORS ini, bekalan air mentah Selangor dapat dipastikan untuk tiga bulan seterusnya jika kadar hujan berkurangan.

Melaksanakan Operasi Pembaikan Awan (OPA) di kawasan tadahan empangan dan lembangan sungai bagi meningkatkan intensiti hujan di kawasan tadahan seterusnya meningkatkan paras air empangan. Penerbangan dengan kitaran yang berkesinambungan akan dilaksanakan setiap hari mengikut kesesuaian cuaca apabila kapasiti empangan menurun di bawah 60 peratus. Di samping langkah ini, LUAS Intelligent Support System (LISS) yang dilancarkan menjadi salah satu instrumen untuk mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan dibekalkan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada, di dalam sungai.

Untuk jangka masa panjang, Kerajaan Negeri di dalam penyiapan bajet Selangor 2019 yang lalu bersetuju untuk menjalankan kajian "Water Resources Supply, Demand And Distribution Study For Selangor" dan ia adalah kajian menyeluruh mengambil kira faktor pengurangan Air Tidak Borhasil atau Non Revenue Water (NRW), pengurangan penggunaan air per kapita, pembaikan dan penambahbaikan LPA.

Kajian ini akan dijalankan sebagai Pelan Induk Pembangunan Sumber Air Negeri Selangor untuk tempoh sehingga tahun 2065. Melalui pelan induk ini, kawasan pembangunan bekalan air yang sudah dirancang boleh dielakkan daripada sebarang pembangunan selain bekalan air.

Susulan pembinaan LPA Semenyih 2 yang sudah siap pada bulan Februari 2018, Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan RM23.35 juta untuk pembangunan infrastruktur bekalan air terutama bagi pembangunan baru. Sejumlah RM130 juta diperuntukkan untuk meneruskan pembinaan LPA Labohan Dagang Fasa 1.

Sejumlah RM25 juta akan digunakan untuk membayangi pemalangan projek Labohan Dagang Fasa 2 dan bagi menyedakkan kajian terperinci untuk pembangunan LPA Sungai Rasau.

Pembangunan Labohan Dagang Fasa 2 kelak berupaya untuk mengeluarkan sebanyak 200 JLH air terawak dan dengan siapnya keseluruhan sistem pemalangan LPA Labohan Dagang Fasa 1 dan Fasa 2, jumlah air terawak yang boleh dibekalkan ke kawasan Daerah Kuala Langat dan sekitarnya adalah sebanyak 400 JLH.

Ini adalah komitmen dan kesinambungan Kerajaan Negeri untuk meletakkan pengurusan air negeri bermula daripada sumber sehingga kepada rakyat. Saya menyeru kepada semua agensi negeri terlibat serta penjawat awam negeri untuk bersama-sama kerajaan merealisasikan usaha dan matlamat ini demi kebaikan bersama juga rakyat Selangor.

*Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor, pada 25 Mac 2019*

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800